

# Peniaga dipercayai sorok 885kg minyak masak

[FOTO HAMZAH OSMAN/BH]



Shamnaziman (dua dari kiri) memeriksa minyak masak yang dirampas pada sidang media di Pejabat KPDNKK Langkawi, semalam.

**Langkawi:** Tindakan seorang peniaga menyorok 885 kilogram (kg) minyak masak dipercayai untuk mengaut keuntungan hasil penstabilan harga bahan itu berkuat kuasa hari ini, terbongkar selepas bekalan itu ditemui disorok dalam sebuah premis di sini, kelmarin.

Bekalan minyak masak itu ditemukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) negeri, disorok di bawah kaunter pembayaran dan sudut kecil premis berkenaan di Jalan Pandak Mayah, pekan Kuah.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNKK Langkawi, Shamnaziman Mohamed Taulan, berkata pihaknya melakukan pemeriksaan rutin sebelum mengesan kesalahan pemilik premis terbabit yang menyembunyikan minyak masak, sebelum serbuan dilakukan pada jam 1.15 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan, kami menemui 765kg minyak masak paket yang dibungkus kemas, selain 24

Info

## Sembunyi barang kawalan

→ **Kes** disiasat ikut Seksyen 15 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menyembunyikan barangan kawalan  
→ **Individu** yang disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun  
→ **Syarikat** yang disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM2 juta.

BH  
31/10/16

MISIT

botol minyak masak seberat lima kilogram setiap satu disembunyikan untuk mengaut keuntungan berganda.

## Siasatan lanjut

"Semua minyak masak disorok yang bernilai RM2,232.90 itu dirampas untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang media di pejabat KPDNKK Langkawi, di sini, semalam.

Shamnaziman berkata, peniaga berusia 41 tahun yang juga penduduk tempatan itu dilepaskan selepas keterangan diambil untuk siasatan lanjut.

Pada masa sama, Shamnaziman turut menasihati pengguna di pulau ini supaya tidak panik kerana bekalan minyak masak mencukupi dan sehingga kini tiada kes penyeludupan dilaporkan.

"Kes rampasan minyak masak ini adalah yang pertama di Langkawi, tahun ini dan siasatan mendapati tindakan peniaga hanya bertujuan mengaut keuntungan apabila harga dinaikkan," katanya.